



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

PENGOPERASIAN TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK (TASKA) DAN PUSAT JAGAAN HARIAN SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

PUTRAJAYA, 12 NOVEMBER 2020 – Atas keprihatinan Kerajaan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bersama Majlis Keselamatan Negara (MKN) membenarkan TASKA dan Pusat Jagaan Harian yang menjaga anak-anak/ahli keluarga *frontliners* dan ibu bapa/penjaga yang perlu keluar bekerja beroperasi dalam tempoh PKPB.

Walau bagaimanapun, mengambil kira keselamatan kanak-kanak dan warga emas yang merupakan golongan berisiko tinggi dijangkiti COVID-19, TASKA dan Pusat Jagaan Harian yang dibenarkan beroperasi hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:-

- i. TASKA/Pusat Jagaan Harian hendaklah sah tempoh pendaftaran dengan JKJ;
- ii. Sentiasa mematuhi SOP PKP Pemulihan, iaitu Garis Panduan Pencegahan Penularan COVID-19 Pasca PKP bagi keselamatan Warga TASKA dan Sektor Penjagaan Sosial yang dikeluarkan oleh KPWKM;
- iii. Mendapat kebenaran daripada Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri; dan
- iv. Surat pengesahan daripada majikan ibu bapa/penjaga untuk arahan bekerja di pejabat/di luar.

Kebenaran pengoperasian TASKA dan Pusat Jagaan Harian dalam tempoh PKPB diambil selaras dengan Akta yang sedang berkuatkuasa iaitu Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (AKTA 342).

Keputusan ini diambil hasil satu bincangan yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) pada 23 hingga 25 Oktober 2020 yang mendapati sebanyak 602 TASKA perlu beroperasi bagi ibu bapa /penjaga yang perlu keluar untuk bekerja. Bincangan ini melibatkan 4 buah negeri iaitu Selangor, WP Kuala Lumpur, WP Putrajaya dan Negeri Sembilan.